

22/09/2003

Iktibar daripada tragedi Taiwan

Dr Azam Rauzan

TANGGAL 31 Ogos 1957, di Stadium Merdeka - berpuluh-puluh ribu rakyat pelbagai kaum berhimpun menyahut laungan merdeka oleh Tunku Abdul Rahman. Dua hari lalu, selepas 46 tahun berlalu, sekali lagi berpuluh-puluh ribu rakyat berbilang kaum berhimpun di lokasi yang sama, meraikan pula kejayaan perkongsiannya sempena ulang tahun ke-50 Barisan Nasional (BN).

Sebahagian besar daripada mereka yang berhimpun pada 1957 itu, yang memulakan perjuangannya, yang mengilhamkan kongsi kuasa itu sudah tiada lagi. Hasilnya dinikmati oleh generasi yang meraikannya dengan tema "Kongsi Kuasa Kejayaan Malaysia".

Stadium Merdeka menjadi saksi. Ia adalah dua sejarah kebanggaan setiap rakyat Malaysia kerana BN memulakan kemerdekaan (ketika itu Perikatan) dan BN jugalah sehingga hari ini berjaya membangunkan negara.

Namun kalau dihayati semula, tiada kuasa yang hendak dikongsi tanpa sokongan rakyat dari setiap 14 parti komponen, terutama Umno. Umno sebagai paksi kongsi kuasa itu mesti kuat, padu sokongannya untuk kekal sebagai tulang belakangnya.

Sejauh mana Umno dapat memenangi kerusi yang diperuntukkan kepadanya dalam pilihan raya, adalah teras mengukur kekuatan perkongsiannya yang telah diamalkan sejak zaman Perikatan lagi.

Penulis amat yakin Umno mampu mengekalkan `hak perkongsiannya' apabila rakyat menentukan mandatnya pada pilihan raya akan datang.

Tetapi harus diingat, kejayaan tidak akan datang bergolek ketika rakyat semakin `celik politik'. Jangan fikir apa saja boleh dibuat seolah-olah Umno akan kekal selama-lamanya menjadi tunjang parti pemerintah sehingga kiamat. Bukankah dunia hari ini penuh dengan segala kemungkinan?.

Apa terjadi terhadap parti Golkar di Indonesia, Parti Liberal Demokratik (LDP) di Jepun, Parti Kongres di India dan parti pemerintah di Mexico? Renungkanlah punca kejatuhan mereka.

Penulis ingin mengimbas tragedi di mana sebuah parti yang telah memperjuangkan kemerdekaan negaranya, gugur setelah bertahan selama 55 tahun akibat kealpaan pemimpin serta ahli-ahli partinya sendiri.

Kejatuhan parti Nasional (KMT) - Kuomintang di Taiwan harus membuka mata semua orang terhadap falsafah `dalam politik tidak ada sesuatu yang mustahil' dan kita orang Melayu harus bersyukur.

Hanya Malaysia satu-satunya negara di Asia ini, yang masih lagi diperintah oleh parti yang memperjuangkan serta mendapatkan kemerdekaannya.

Kejatuhan Kuomintang telah memeranjatkan ramai orang bukan saja rakyat Taiwan malah seluruh dunia. Betapa tidak? Sebuah parti yang dikatakan cukup kebal dan memerintah Taiwan selama 55 tahun, tiba-tiba lenyap dalam sekelip mata.

Ketua Parti dan juga Presiden Taiwan ketika itu, Lee Tenghui yang disanjung dan dijunjung oleh rakyat Taiwan, dimaki hamun oleh penyokongnya sendiri. Presiden Lee yang dikatakan bertanggungjawab di atas kejatuhan parti KMT terpaksa tunduk kepada desakan untuk meletak jawatan secara beramai-ramai.

Beliau dikatakan gagal memupuk perpaduan dan menyelesaikan masalah dalaman parti. Sebaliknya mewujudkan kroni-kroni politik serta meletakkan calon yang tidak dapat diterima oleh rakyat.

Melihat rentetan kejadian yang berlaku terhadap KMT di Taiwan itu, kadang kala membuatkan penulis kecut perut. Janganlah apa yang berlaku di Taiwan itu merebak pula ke negara ini.

Di negara ini, ada semacam cinta bercampur baur dengan benci di kalangan orang Melayu terhadap Umno. Mereka sayangkan Umno dan mahu Umno terus berkuasa untuk membela nasib bangsa, agama dan tanah air.

Itu tidak boleh dipertikaikan kerana Malaysia inilah tanah tumpah darah orang Melayu. Pada masa sama, mereka benci dan meluat melihat gelagat sesetengah pemimpin Umno. Inilah dilema sebahagian Melayu yang memilih untuk berdiam diri. Mereka ini adalah "The silent majority" yang perlu ditangani oleh Umno.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pernah menyuarakan kecamannya terhadap politik wang dan kerakusan sesetengah pemimpin parti yang sanggup mengamalkan rasuah semata-mata untuk mengekalkan jawatan atau memburu jawatan.

Pindaan perlembagaan parti pun dilaksanakan bagi mengharamkan politik wang. Beberapa tindakan telah diambil, ada yang digantung, dilucutkan jawatan dan sebagainya.

Namun, sudah mampukah kita menidakkan ia masih wujud atau sudah beranikah kita mengatakan gejala ini telah berakhir? Ia memang bukan mudah, tetapi parti, khasnya ahli-ahli parti mestilah lebih berani dan lebih ikhlas apabila tiba masanya dikehendaki menjalankan amanah masing-masing.

Jika tidak, berkecailah amanah agama, bangsa dan negara, milik rakyat Melayu di tangan Umno. Ketika itu, tiada apa lagi yang dapat kita kongsi, apatah lagi kuasa.